

7) RUMAH MAMPU MILIK

Adun : Y.B. Tuan Danial Al-Rashid Bin Haron Aminar Rashid (Batu Tiga)

Kategori : Bertulis

Sesi : 3 (2025)

Sub soalan :

- a) **Berapakah jumlah projek dan perbelanjaan negeri bagi pembinaan Rumah Selangorku dan Rumah Idaman Selangor bagi tahun 2020-2025?**

Untuk makluman Yang Berhormat, Dasar Rumah Selangorku merupakan dasar perumahan yang diperkenal oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan memastikan setiap tanah milik syarikat pemaju / individu disyaratkan penyediaan komponen Rumah Mampu Milik semasa proses permohonan Kelulusan Kebenaran Merancang (KM) diperingkat PBT. Melalui dasar ini, Kerajaan Negeri dapat menyediakan Rumah Mampu Milik untuk ditawarkan kepada golongan sasaran tanpa mengeluarkan sebarang peruntukan bagi membiayai projek RSKU yang dibangunkan ke atas tanah-tanah tersebut. Oleh yang demikian, bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat, tiada sebarang peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri bagi membiayai pembinaan Rumah Mampu Milik ini.

Jumlah projek yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri bagi tempoh tahun 2020 – 2025 adalah sebanyak **208 projek dengan 152,058 unit**. Perincian mengikut status pelaksanaanya adalah seperti berikut:-

Status Pembangunan	Bil Projek	Bil Unit
Siap	16	6,763
Dalam Pembinaan	52	27,597
Perancangan	140	117,698
Jumlah Keseluruhan	208	152,058

- b) **Berapa unit rumah Rumah Selangorku dan Rumah Idaman Selangor yang telah siap dibina dan diduduki sehingga hari ini? Nyatakan mengikut kategori rumah.**

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga 31 Oktober 2025 sebanyak **152 projek dengan 47,747 unit** Rumah Selangorku, Rumah Selangorku Harapan dan Rumah Idaman MBI yang telah siap dibina dan diduduki. Perincian projek siap dengan pecahan kategori rumah adalah seperti berikut :-

Jenis Kediaman	Bil Projek	Bil Unit
Rumah Selangoku	144	40,948
Rumah Selangorku Harapan	4	720
Rumah Idaman MBI	4	6,079
Jumlah Keseluruhan	152	47,747

- c) **Berapa anggaran unit rumah yang bakal dibina untuk akan datang?**

Berdasarkan rekod terkini, pihak Kerajaan Negeri menjangkakan sebanyak **10,895 unit** Rumah Mampu Milik lagi akan dilancarkan merangkumi Rumah Selangorku sebanyak 3,385 unit, Rumah Selangorku Harapan sebanyak 6,652 unit dan Rumah Idaman MBI sebanyak 858 unit. Dijangkakan unit-unit akan bertambah dari semasa ke semasa.